

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PROSES KUARANTIN HAIWAN

No. Dokumentasi: APTVM 17(a): 1/2011

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia	i
1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif	1
3.0 Skop	1
4.0 Definisi	2
5.0 Kata Singkatan	8
6.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Proses Kuarantin Haiwan	9
6.1 Arahan Am	9
6.2 Penetapan Stesen Kuarantin Haiwan	10
6.3 Perlantikan Pegawai Kuarantin	12
6.4 Tempoh kuarantin	12
6.5 Permulaan Kuarantin	13
6.6 Persiapan kuarantin	14
6.7 Proses Kuarantin Haiwan	15
6.8 Tamat Kuarantin	16
6.9 Pelepasan Kuarantin	17
6.10 Bayaran Kuarantin	17
6.11 Pematuhan	18
6.12 Am	18
6.13 Pengimport dan Pengeksport	18
6.14 Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (SKHS)	18
6.15 Pegawai Kuarantin	19
7.0 Senarai Rujukan	19
8.0 Senarai Lampiran	19
8.1 Lampiran 1: Senarai Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan	21
8.2 Lampiran 2: Kemudahan Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan	22
8.3 Lampiran 3: Tempoh Kuarantin Haiwan	23
8.4 Lampiran 4: Senarai Pintu Masuk Negara	24
8.5 Lampiran 5: Ujian-ujian dan Vaksin Haiwan di Stesen Kuarantin Haiwan	25
8.6 Lampiran 6: Senarai Baka Anjing Terlarang / Terkawal	26
8.7 Lampiran 7: Kadar Bayaran Kuarantin	27
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Proses Kuarantin Haiwan	28
Penghargaan	28

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kuarantin merupakan salah satu prosedur untuk mencegah kemasukan penyakit haiwan dan zoonotik ke dalam negara melalui aktiviti pengimportan haiwan dan produk haiwan. Ianya bertujuan untuk melindungi kepentingan haiwan dan juga manusia selain memastikan produk makanan berasaskan haiwan yang diimport adalah selamat dan berkualiti. Prosedur kuarantin juga digunakan untuk mencegah penyakit yang berlaku dalam sesuatu lokasi daripada merebak ke kawasan lain.

Kuarantin bermaksud penahanan wajib secara terasing ke atas mana-mana binatang, burung atau barangan di suatu tempat atau kawasan yang diwartakan sebagai tempat kuarantin. Terdapat 4 jenis kuarantin haiwan yang dijalankan iaitu:

1. Kuarantin haiwan di Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan (SKHK)
2. Kuarantin haiwan di Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (SKHS) - Sila rujuk APTVM Pendaftaran Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (APTVM 17b1:2009)
3. Kuarantin haiwan di rumah atau tempat persendirian
4. Kuarantin haiwan berpenyakit - Sila rujuk APTVM Kuarantin Penyakit (APTVM 22 (a):1/2010)

Sementara penubuhan SKHK tertakluk kepada subseksyen 80 (1) Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006). Pengurusan dan penyelenggaraan SKHK hendaklah mematuhi peraturan yang termaktub dalam *The Federal Animal Quarantine Station (management and maintenance by-laws) 1984* dibawah subseksyen 81 (1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).

Sebagai Pihak Berkuasa Veterinar (PBV), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) bertanggungjawab menetapkan prosedur kuarantin haiwan agar industri haiwan tempatan dan kesihatan awam veterinar tidak terancam. Maka dengan ini, semua pihak yang melaksanakan prosedur kuarantin haiwan di Malaysia, adalah diarah mematuhi APTVM Proses Kuarantin ini.



Dato' Dr. Aziz bin Jamaluddin

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

1.0 PENGENALAN

Proses kuarantin merupakan satu prosedur pencegahan kemasukan penyakit haiwan dan zoonotik ke dalam negara melalui aktiviti pengimportan haiwan dan produk haiwan. Proses kuarantin juga bertujuan melindungi kepentingan haiwan dan manusia selain memastikan produk makanan berasaskan haiwan yang diimport adalah selamat dan berkualiti.

Pada masa kini, terdapat 7 buah Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan (SKHK) yang telah dibina iaitu sebanyak 6 buah di Semenanjung Malaysia dan sebuah di Wilayah Persekutuan Labuan. Setiap SKHK ini mempunyai kemudahan dan kapasiti tersendiri bagi urusan kuarantin haiwan. Tempoh kuarantin haiwan ditentukan berdasarkan analisis risiko ke atas spesies haiwan dan negara asal haiwan berkenaan.

Proses kuarantin untuk haiwan yang dimport boleh dilaksanakan di tiga lokasi iaitu di Stesen Kuarantin, Stesen Kuarantin Sementara atau Kuarantin Sementara di Rumah. Kebenaran untuk menggunakan sesuatu kuarantin tertakluk kepada analisis risiko. Namun begitu, prosedur kuarantin yang harus dilalui oleh haiwan yang diimport adalah tetap sama.

Maka amat penting untuk semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kuarantin sama ada Pihak Berkuasa Veterinar, Pegawai Veterinar Bertauliah atau Pegawai MAQIS hendaklah mengikuti prosedur yang sama. APTVM ini akan memastikan risiko kemasukan penyakit berbahaya melalui pengimportan haiwan hidup ke dalam negara dapat dikurangkan.

2.0 OBJEKTIF

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Proses Kuarantin ini bertujuan:

- 2.1. Untuk memberi panduan yang jelas tentang prosedur kuarantin haiwan.
- 2.2. Untuk memastikan prosedur seragam digunakan untuk semua bentuk proses kuarantin.
- 2.3. Untuk mencegah kemasukan penyakit haiwan dan zoonotik melalui pengimportan haiwan.

3.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia ini akan meliputi prosedur berikut:

- 3.1. Penetapan Stesen Kuarantin Haiwan (SKH)

- 3.2. Perlantikan Pegawai Kuarantin
- 3.3. Tempoh Kuarantin
- 3.4. Permulaan Kuarantin Haiwan
- 3.5. Proses Kuarantin
- 3.6. Penamatan Kuarantin
- 3.7. Pelepasan dari Stesen Kuarantin Haiwan
- 3.8. Bayaran

4.0 DEFINISI

- 4.1. **Ayam Domestik**
Ayam yang telah dijinakkan/hibrid dan diternak secara komersil.
- 4.2. **Baka**
Asal keturunan haiwan yang mempunyai ciri fizikal dan genetik yang tertentu.
- 4.3. **Baka Terlarang**
Senarai baka yang ditegah untuk dibawa masuk ke dalam Malaysia.
- 4.4. **Biosekuriti**
Dasar dan langkah yang diambil untuk melindungi haiwan daripada ancaman biologi.
- 4.5. **Dayajejak**
Keupayaan menjejaki pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam rangkaian pengeluarannya sama ada selangkah ke hadapan atau selangkah ke belakang.
- 4.6. **Detergen**
Bahan yang digunakan untuk mencuci.
- 4.7. **Disinfeksi**
Proses nyahjangkitan atau penyingkiran semua jenis mikroorganisma hidup yang dibawa oleh haiwan dan bahan serta alat yang berkaitannya dengan menggunakan disinfektan.
- 4.8. **Disinfektan**
Disinfektan merupakan bahan yang berupaya memusnah atau menyingkir mikroorganisma hidup (virus, bakteria, fungi, parasit dan spora)
- 4.9. **Haiwan**
Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, kuda,

babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang dikurung atau di bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

- 4.10. **Haiwan Kesayangan**
Haiwan peliharaan yang dijaga dan disimpan sebagai teman dan bukan untuk tujuan penternakan atau bekerja.
- 4.11. **Haiwan Rekreasi**
Haiwan peliharaan yang dijaga dan disimpan untuk rekreasi dan bukan untuk tujuan penternakan atau bekerja.
- 4.12. **Hasil Haiwan**
Hasil yang diperoleh daripada haiwan melalui aktiviti perladangan atau penternakan dan belum diproses dengan ternakan masih hidup seperti susu mentah, telur, bulu, najis dan sebagainya.
- 4.13. **Hazard**
Suatu punca mudarat atau suatu keadaan yang mana boleh mendatangkan mudarat kepada haiwan serta manusia dalam bentuk kecederaan dan kesihatan atau gabungan dari kedua-duanya. Jenis *hazard* terbahagi kepada tiga (3) iaitu mikrob, kimia dan fizikal. Contoh *hazard* bagi mikrob merupakan bakteria, virus, fungi dan sebagainya yang boleh membawa penyakit kepada ternakan. Contoh *hazard* bagi kimia termasuk bahan-bahan disinfeksi dan antibiotik, sementara *hazard* untuk fizikal termasuk cebisan besi, batu dan kayu.
- 4.14. **Kad Pengenalan Haiwan Kesayangan**
Satu dokumen rasmi kerajaan sebagai rekod pengenalan bagi haiwan kesayangan yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
- 4.15. **Karkas**
Haiwan atau burung yang mati, termasuklah mana-mana bahagiannya dan daging, tulang (sama ada keseluruhan, cebisan atau serbuk), ofal, belulang, kulit, bulu, rambut, pelepah, kuku, tanduk atau bahagian lain daripada haiwan atau burung, berasingan atau sebaliknya, atau mana-mana bahagiannya.
- 4.16. **Kuarantin Haiwan**
Prosedur penahanan wajib secara terasing terhadap mana-mana binatang atau burung di suatu tempat atau kawasan yang diwartakan atau dibenarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai tempat kuarantin.

- 4.17. **Kuarantin Haiwan Sementara (rumah)**
Rumah atau tempat yang diberi kebenaran di bawah subseksyen 80(2) Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri berkenaan untuk tujuan mengkuarantin haiwan yang diimport.
- 4.18. **Mikroorganisma**
Sel hidup yang berpotensi menyebabkan penyakit dan dijumpai di seluruh dunia.
- 4.19. **Negara Pengeksport**
Negara di mana haiwan atau produk haiwan yang dinyatakan dalam permohonan akan diimport.
- 4.20. **Pegawai Penjaga**
Pegawai penjaga ialah pegawai yang menjaga stesen kuarantin yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 4 dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 5 untuk menjalankan tugas pegawai penjaga.
- 4.21. **Pegawai Kuarantin**
Pegawai Veterinar, Veterinawan Bertauliah atau Pihak Berkuasa Veterinar yang dilantik untuk menjalankan proses kuarantin ke atas sesuatu konsainan.
- 4.22. **Pegawai Veterinar**
Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia (MVM) yang dilantik sebagai Pegawai Veterinar kerajaan.
- 4.23. **Penghapusan**
Proses menghapus yang dilakukan untuk memastikan haiwan dan burung yang telah disahkan berpenyakit dan/atau berisiko dan/atau kes tangkapan/penyeludupan dihapuskan secara individu atau besar-besaran melalui perintah mahkamah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Etika Haiwan.
- 4.24. **Pemusnahan**
Proses memusnah dan membakar material daripada bangunan, kandang, bangsal, petak, sangkar atau tempat yang berkaitan haiwan berpenyakit. Pemusnahan boleh melibatkan apa-apa alatan, kelengkapan dan perkakasan yang berkaitan dengan haiwan dan burung berpenyakit.

- 4.25. **Pelupusan**
Proses melupus yang dilakukan untuk menghapuskan karkas/bangkai haiwan/hasil haiwan/bahan biologik dan material yang telah dijangkiti secara individu atau besar-besaran yang telah disahkan berpenyakit atau berisiko dan atas kes tangkapan/penyeludupan melalui perintah mahkamah.
- 4.26. **Pengeksport**
Individu/Syarikat yang mengeksport haiwan atau produk haiwan.
- 4.27. **Pengimport**
Individu/Syarikat yang membuat permohonan import haiwan atau produk haiwan daripada Jabatan.
- 4.28. **Pemilik/pengusaha**
Individu atau syarikat yang mempunyai kuasa pemilikan termasuk pemilikan kerajaan atau swasta yang menjalankan pengurusan dan pentadbiran secara eksklusif.
- 4.29. **Pemindahan**
Perbuatan atau hal memindahkan haiwan, hasil atau produk haiwan dari satu premis ke premis lain.
- 4.30. **Pengenalan Haiwan**
Tanda yang boleh memberikan pengenalan seperti tag telinga, tanda cacah, cop badan, RFID, mikrochip, cacah, tindik telinga, 'ear notch' dan pelbagai tanda yang boleh menentukan pengenalan.
- 4.31. **Penilaian Risiko**
Penilaian kemungkinan dan konsekuensi biologi, pendirian penilai dan penyebaran *hazard* ke dalam negara pengimport.
- 4.32. **Penyakit**
Apa-apa penyakit yang berjangkit atau jangkitan pada haiwan atau burung.
- 4.33. **Pihak Berkuasa Veterinar (PBV)**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia atau Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, untuk menjadi PBV di bawah Seksyen 3, Akta Binatang, 1953 (Akta

- 647) (Semakan 2006).
- 4.34. **Pihak Berkuasa Veterinar Negara Pengeksport**
Badan veterinar kerajaan yang bertanggungjawab serta dirujuk bagi tujuan rujukan status penyakit ternakan di negara pengeksport.
- 4.35. **Produk Haiwan**
Produk yang terhasil daripada haiwan yang telah disembelih atau diambil daripadanya untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai seperti daging, kulit mentah, organ, tanduk, sarang burung proses, sosej, seri kaya, dadih, yogurt dan sebagainya. Produk yang dikeluarkan meliputi produk makanan atau bukan makanan.
- 4.36. **Pintu Masuk**
Tempat yang diwartakan di mana haiwan atau produk haiwan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam negara.
- 4.37. **Risiko**
Gabungan faktor yang memungkinkan berlakunya ancaman atau kejadian ber"azard" dalam suatu tempoh khusus yang ditetapkan atau dalam keadaan yang ditetapkan dengan faktor risikonya iaitu kesan buruk ke atas kesihatan haiwan dan manusia.
- 4.38. **Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)**
Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan, produk dan hasil haiwan untuk membolehkan pemindahan dari satu premis ke premis lain dan menjadi dokumen rujukan utama dalam dayajajak.
- 4.39. **Sijil Kuarantin**
Sijil Kuarantin yang dikeluarkan oleh pegawai kuarantin sebagai pengesahan yang konsainan di bawah pengawasannya telah melalui proses kuarantin dan dilepaskan daripada perintah kuarantin.
- 4.40. **Sistem e-Permit 2**
Sistem dalam talian (*online*) bagi permohonan dan kelulusan permit pemindahan ternakan dalam Negara.
- 4.41. **Sistem Pet Passport**
Sistem dalam talian (*online*) bagi pendaftaran haiwan kesayangan.

- 4.42. **Sistem AQS (Animal Quarantine Services)**
Sistem dalam talian (*online*) untuk permohonan tempahan kuarantin dan sistem pengurusan kuarantin.
- 4.43. **Stesen Kuarantin Haiwan (SKH)**
Bangunan atau tempat yang dibina di bawah subseksyen 80(1) Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) bagi tujuan mengkuarantin haiwan yang diimport dari luar negara.
- 4.44. **Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (SKHS)**
Bangunan atau tempat yang dibina di bawah subseksyen 80(2) Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) dengan kebenaran Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri berkenaan bagi tujuan mengkuarantin haiwan yang diimport dari luar negara berpandukan APTVM Pendaftaran Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (APTVM 17b1:2009).
- 4.45. **Undang-undang Kecil**
Undang-undang Kecil Stesyen Kuarantin Binatang Persekutuan (Pengurusan dan Penyenggaraan) 1984
- 4.46. **Unggas**
Termasuk ayam domestik, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, ayam serama, puyuh, merpati, burung unta, burung emu dan burung walit daripada apa-apa jantina, umur, baka dan generasi termasuk telur atau kacukannya dan burung-burung lain yang ditentukan oleh KPPV.
- 4.47. **Veterinawan Bertauliah (VB)**
Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia (MVM) serta memiliki Sijil Amalan Tahunan (APC) yang sah, dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop tanggungjawab, arahan adalah seperti dalam APVTM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah (APTVM 18a(1):2009).

5.0 KATA SINGKATAN

APC	-	Annual Practice Certificate (Sijil Amalan Tahunan)
APTVM	-	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
AQS	-	Animal Quarantine Services
DVS	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
EIA	-	Equine Infectious Anemia

EHV	-	<i>Equine Herpesvirus</i>
IPPV	-	Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Putrajaya
KPPV	-	Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
MAQIS	-	<i>Malaysian Quarantine Inspection Services</i>
MVM	-	Majlis Veterinar Malaysia
PBV	-	Pihak Berkuasa Veterinar
PVM	-	Protokol Veterinar Malaysia
PPVN	-	Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
RFID	-	<i>Radio Frequency Identification</i>
SKH	-	Stesen Kuarantin Haiwan
SKHK	-	Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan
SKHS	-	Stesen Kuarantin Haiwan Sementara
SKV	-	Sijil Kesihatan Veterinar

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP KUARANTIN HAIWAN DI STESEN KUARANTIN HAIWAN

6.1. ARAHAN AM

- 6.1.1. Semua prosedur kuarantin haiwan hendaklah mengikut arahan yang terkandung dalam APTVM ini.
- 6.1.2. Semua haiwan yang memasuki negara ini perlu melalui prosedur kuarantin.
- 6.1.3. Haiwan yang datang dari negara yang telah disahkan bebas risiko *hazard* melalui analisis risiko, hendaklah juga melalui pemeriksaan di pintu masuk Negara dan diberikan sijil kuarantin sebagai bukti proses kuarantin telah dilepasi.
- 6.1.4. Haiwan yang memiliki risiko *hazard* sederhana daripada negara tradisional seperti ruminan dari Thailand, Myanmar dan Indonesia dibenarkan menjalani proses kuarantin di SKHS yang didaftarkan oleh PPVN berkenaan.
- 6.1.5. Haiwan kesayangan dan rekreasi hendaklah menjalani proses kuarantin di SKH yang ditetapkan.
- 6.1.6. Haiwan kesayangan dan rekreasi yang memiliki risiko *hazard* rendah melalui kenyataan Pegawai Veterinar negara pengeksport boleh dipertimbangkan untuk menjalani proses

kuarantin SKHS atau kuarantin sementara rumah.

- 6.1.7. Semua proses kuarantin hendaklah direkodkan dalam sistem AQS.
- 6.1.8. Semua haiwan ternakan yang keluar dari kuarantin mestilah memiliki tanda pengenal menggunakan RFID dan direkodkan dalam sistem e-permit 2.
- 6.1.9. Sebagai tanda pengenal, semua haiwan kesayangan dan rekreasi perlu dipasang dengan mikrocip sekiranya masih belum mempunyai mikrocip, seterusnya dibekalkan dengan Kad Pengenal Haiwan Kesayangan.
- 6.1.10. Akuan Kebenaran Pindah hanya boleh diberikan setelah Sijil Kuarantin dikeluarkan.

6.2. Penetapan Stesen Kuarantin Haiwan

Proses kuarantin boleh ditetapkan melalui tiga tempat berikut tertakluk kepada analisis risiko dan syarat yang ditetapkan:

6.2.1. Stesen Kuarantin Haiwan

- 6.2.1.1. Penetapan SKH seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 80(1) Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) yang menyatakan "*Animal Quarantine stations shall established and maintained by the government and by State governments at suitable places in Malaysia. The position and name, if any of any such quarantine station shall be notified in the appropriate gazette*".
- 6.2.1.2. Senarai SKH yang telah diwartakan adalah seperti di dalam **Lampiran 1**.
- 6.2.1.3. Fasiliti dan kapasiti bagi setiap SKH adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 6.2.1.4. Permohonan untuk mendapat tempat dalam SKH boleh dibuat secara atas talian melalui sistem AQS.

6.2.2. Stesen Kuarantin Haiwan Sementara

- 6.2.2.1. Pengimport haiwan dari sumber tradisional boleh dibenarkan menggunakan SKHS.
- 6.2.2.2. SKHS hendaklah menjalani proses kuarantin dan mematuhi tahap piawai biosekuriti yang sama.
- 6.2.2.3. Pegawai Kuarantin akan dilantik untuk melaksanakan proses kuarantin.
- 6.2.2.4. Veterinawan Bertauliah boleh dilantik sebagai Pegawai Kuarantin untuk menjalankan proses kuarantin.
- 6.2.2.5. Setiap tindakan dalam kuarantin hendaklah dilaporkan dalam sistem AQS.
- 6.2.2.6. Proses kuarantin dianggap selesai setelah Sijil Kuarantin dikeluarkan. Sila rujuk APTVM Pendaftaran Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (APTVM 17b1:2009)

6.2.3. Kuarantin Sementara Rumah

- 6.2.3.1. KPPV boleh menimbang untuk membenarkan Kuarantin Sementara Rumah bagi haiwan yang datang dari negara bebas penyakit yang dibuktikan melalui dokumen veterinar daripada PBV negara pengekport.
- 6.2.3.2. Rumah atau tempat kuarantin hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh PPVN sebagai Kuarantin Sementara.
- 6.2.3.3. Pemilik hendaklah bersedia memastikan haiwan dipelihara secara berasingan daripada haiwan lain.
- 6.2.3.4. Pemilik hendaklah membuat pengakuan akan menanggung risiko daripada proses tersebut dan segala akibat yang bersangkutan dengannya.

- 6.2.3.5. Pegawai kuarantin akan dilantik untuk melaksanakan proses kuarantin.
- 6.2.3.6. Veterinawan Bertauliah boleh dilantik sebagai Pegawai Kuarantin untuk menjalankan proses kuarantin. Veterinawan dari Klinik Veterinar berdekatan boleh ditugaskan memantau proses kuarantin.
- 6.2.3.7. Setiap tindakan dalam kuarantin hendaklah dilaporkan dalam sistem AQS.
- 6.2.3.8. Proses kuarantin dianggap selesai setelah Sijil Kuarantin dikeluarkan.

6.3. Perlantikan Pegawai Kuarantin

- 6.3.1. Pegawai kuarantin ialah pegawai yang telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Veterinar atau Pegawai Penjaga yang ditugaskan menjalankan proses kuarantin di bawah subseksyen 3(3) Akta Binatang, 1953(Akta 647) (Semakan 2006) dan bertugas di SKH.
- 6.3.2. Veterinawan Bertauliah boleh ditugaskan menjalankan proses kuarantin.
- 6.3.3. Pentauliahan veterinawan berkenaan adalah berpandukan kepada APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah (APTVM 18a(1):2009).

6.4. Tempoh kuarantin

- 6.4.1. Tempoh kuarantin bagi haiwan yang perlu menjalani kuarantin adalah berdasarkan kepada spesies dan status penyakit haiwan negara asal. Tempoh kuarantin bagi setiap spesies adalah seperti dalam **Lampiran 3**.
- 6.4.2. Anjing dan kucing dari negara berjadual (**Lampiran 3**) boleh diberikan Sijil Kuarantin setelah pemeriksaan dilakukan di pintu

masuk dan didapati sesuai dikecualikan daripada tempoh kuarantin.

- 6.4.3. Tempoh kuarantin bermula setelah pegawai kuarantin menjalani pemeriksaan awal dan menerima haiwan tersebut untuk dikuarantin.
- 6.4.4. Masa kuarantin bermula daripada saat beliau muat naik laporan ke dalam sistem AQS.
- 6.4.5. Tempoh kuarantin dikira berdasarkan hari 24 jam yang penuh.
- 6.4.6. Tempoh proses masuk kuarantin tidak dikira dalam tempoh kuarantin tetapi bermula daripada waktu pegawai kuarantin yang dilantik memulakan proses kuarantin.
- 6.4.7. Pegawai kuarantin boleh memanjangkan tempoh kuarantin sekiranya wujud keraguan tentang status kesihatan.
- 6.4.8. KPPV dan Ketua Seksyen Kuarantin & Import/Eksport, IPPV, boleh mengarahkan sesuatu konsainan dilanjutkan tempoh kuarantinnya sekiranya terdapat maklumat *hazard* diperolehi daripada negara pengeport atau berasas kepada hasil ujian makmal.
- 6.4.9. Konsainan yang telah mendapat Sijil Kuarantin dianggap telah tamat tempoh kuarantin.
- 6.4.10. Pemilik haiwan dalam SKH hendaklah mengeluarkan haiwan sebaik sahaja diberikan Sijil Kuarantin dan mendapat Akuan Kebenaran Pindah daripada PPVN.

6.5. Permulaan Kuarantin

- 6.5.1. Tempahan Ruang Kuarantin
Pengimport haiwan perlu menempah ruang kuarantin di SKH secara dalam talian (*online*) melalui Sistem AQS selewat-lewatnya 2 minggu sebelum haiwan tiba dan membuat pengesahan status tempahan ruang kuarantin bagi

memastikan terdapat ruang di SKH bagi megkuarantin haiwannya.

- 6.5.2. Pemeriksaan di pintu masuk semasa ketibaan haiwan
 - 6.5.2.1. Pengimport perlu menyerahkan semua dokumen pengimportan seperti permit import yang dikeluarkan oleh DVS, dan Sijil Kesihatan Veterinar serta permit eksport dari negara asal, kepada PBV di pintu masuk.
 - 6.5.2.2. Semua haiwan akan diperiksa di pintu masuk sebelum dihantar ke SKH yang telah ditetapkan bagi menjalani proses kuarantin.
 - 6.5.2.3. Senarai pintu masuk yang diwartakan adalah seperti di **Lampiran 4**.
 - 6.5.2.4. Haiwan sihat daripada negara bebas boleh diberikan Sijil Kuarantin seurus selepas disahkan sihat melalui pemeriksaan veterinar di pintu masuk oleh Pegawai Kuarantin.

6.6. Persiapan kuarantin

- 6.6.1. Stesen Kuarantin yang akan melalui proses kuarantin hendaklah dikosongkan.
- 6.6.2. Semua kandang hendaklah dibersihkan daripada sebarang sisa dan segala sisa daripada proses kuarantin sebelumnya perlulah dilupuskan.
- 6.6.3. Prosedur disinfeksi dan dekontaminasi hendaklah dijalankan ke atas stesen kuarantin berkenaan.
- 6.6.4. Semua peralatan dan kemudahan hendaklah diperbaiki dan dibaik pulih untuk memastikan kebajikan haiwan sentiasa terpelihara.

- 6.6.5. Pastikan semua kelengkapan keselamatan juga utuh.
- 6.6.6. Pegawai kuarantin hendaklah menjalankan pemeriksaan dan meluluskan tempat berkenaan untuk digunakan sebagai kuarantin sebelum kemasukan konsainan baru.

6.7. Proses Kuarantin Haiwan

- 6.7.1. Sebaik tiba di SKH, haiwan akan ditempatkan di ruang yang telah ditetapkan mengikut tempahan yang telah dibuat oleh pengimport.
- 6.7.2. Semua haiwan akan menjalani pemeriksaan fizikal dan klinikal sebaik sahaja tiba di SKH. Tanda pengenalan ternakan sama ada mikrochip, RFID atau tag telinga perlulah sama dengan dokumen yang diterima.
- 6.7.3. Pemeriksaan haiwan akan dijalankan oleh Pegawai Kuarantin dan dicatatkan ke dalam Laporan Harian atau dimuat naik ke dalam sistem AQS. Proses ini merupakan tanda bermulanya proses kuarantin.
- 6.7.4. Program kesihatan seperti pengambilan sampel bagi ujian tertentu dan pemvaksinan akan dilakukan oleh Pegawai Kuarantin.
- 6.7.5. Ujian yang dijalankan hendaklah mengikut keperluan bagi setiap spesies haiwan dan ringkasan keperluan ujian adalah seperti di **Lampiran 5**.
- 6.7.6. Haiwan yang menunjukkan sebarang tanda penyakit akan diasingkan dan dirawat sewajarnya mengikut subseksyen 22(1) Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).
- 6.7.7. Mana-mana haiwan yang menunjukkan tanda penyakit yang berjangkit (*contagious*) boleh dilupuskan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 19, Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006). Tiada sebarang pampasan boleh dituntut oleh pengimport. Sila rujuk APTVM Penghapusan (APTVM 22(e):1/2011).

- 6.7.8. Haiwan atau burung yang cedera dan pada pandangan PBV tidak dapat dirawat boleh dihapuskan mengikut Seksyen 11, Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) dan tiada pampasan boleh dituntut oleh pengimport.
- 6.7.9. Mana-mana haiwan yang positif terhadap ujian yang dilakukan akan dihapuskan walaupun tidak menunjukkan sebarang tanda penyakit seperti yang dinyatakan dalam seksyen 18 dan seksyen 19, Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).
- 6.7.10. Semua karkas terjangkit akan dilupuskan mengikut Protokol Veterinar Malaysia (PVM) bagi penyakit berkenaan.
- 6.7.11. Semua peralatan yang berkaitan boleh didekontaminasi atau dimusnahkan dan dilupuskan tanpa pampasan.
- 6.7.12. Konsainan yang telah ditetapkan di sesuatu lokasi, tidak dibenarkan bertukar tempat atau bercampur dengan haiwan lain.
- 6.7.13. Konsainan yang melanggar peraturan tersebut akan dilanjutkan tempoh kuarantin sehingga risiko penyakit terbukti selamat.

6.8. Tamat Kuarantin

- 6.8.1. Proses kuarantin dikira tamat apabila haiwan selesai menjalani proses kuarantin dalam masa yang telah ditetapkan dan tidak menunjukkan sebarang tanda penyakit serta negatif terhadap semua ujian makmal yang telah dijalankan.
- 6.8.2. Pegawai kuarantin berhak untuk melanjutkan tempoh kuarantin sekiranya haiwan didapati mempunyai masalah kesihatan ataupun keputusan makmal belum diperolehi.
- 6.8.3. Sekiranya pegawai kuarantin berpuas hati dengan status kesihatan haiwan berkenaan, maka haiwan tersebut boleh menamatkan proses kuarantin dan diberi pelepasan kuarantin

dengan mengeluarkan Sijil Kuarantin.

6.9. Pelepasan Kuarantin

- 6.9.1. Semua haiwan yang keluar daripada kuarantin perlu memiliki pengenalan haiwan untuk dayajejak.
- 6.9.2. Semua haiwan ruminan hendaklah memiliki pengenalan RFID yang didaftarkan dalam sistem e-permit 2.
- 6.9.3. Semua haiwan kesayangan dan rekreasi hendaklah memiliki mikrochip dan didaftarkan di dalam sistem *Pet Passport*. Selepas didaftarkan, Kad Pengenalan Haiwan Kesayangan akan diberikan.
- 6.9.4. Sijil Kuarantin akan diberikan setelah Pegawai Kuarantin berpuas hati dengan tahap kesihatan haiwan berkenaan. Pengeluaran Sijil Kuarantin bagi tujuan pelepasan kuarantin adalah berasaskan kepada Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Binatang, 1962.
- 6.9.5. Setelah mendapat Sijil Kuarantin, haiwan berkenaan boleh dilepaskan dari kuarantin selepas bayaran kuarantin dilangsaikan.
- 6.9.6. Prosedur pemindahan haiwan dari Stesen Kuarantin Haiwan ke destinasi seterusnya adalah mengikut APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan antara Negeri di Malaysia (APTVM 20a(1):2009).

6.10. Bayaran Kuarantin

- 6.10.1. Bayaran bagi kuarantin adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan seperti di **Jadual 1**.
- 6.10.2. Kadar bayaran yang ditetapkan adalah berdasarkan subseksyen 81(2), Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).

6.11. Pematuhan

- 6.11.1. Semua pihak hendaklah mematuhi prosedur yang ditetapkan agar keutuhan biosekuriti Negara terpelihara.

6.12. Am

- 6.12.1. Mereka yang melakukan kesilapan atau kecuaiian untuk kali pertama, akan diberi teguran lisan, khidmat nasihat, runding cara atau perundingan.
- 6.12.2. Mereka yang mengulangi kesalahan sama untuk kali kedua, akan diberi amaran bertulis atau permohonannya akan digantung.
- 6.12.3. Mereka yang melakukan kesalahan besar yang menjejaskan biosekuriti Negara akan disenarai hitamkan.

6.13. Pengimport dan Pengeksport

- 6.13.1. Mereka yang melakukan kesilapan atau kecuaiian pada kali pertama akan diberi teguran lisan, khidmat nasihat, runding cara atau perundingan.
- 6.13.2. Mereka yang mengulangi kesalahan sama untuk kali kedua akan diberi amaran bertulis atau permohonannya akan digantung untuk tempoh tiga bulan.
- 6.13.3. Mereka yang melakukan kesalahan besar yang menjejaskan biosekuriti negara akan disenarai hitamkan dalam sistem AQS

6.14. Stesen Kuarantin Haiwan Sementara (SKHS)

- 6.14.1. Mereka yang melakukan kesilapan atau kecuaiian kali pertama akan diberi teguran lisan, khidmat nasihat, runding cara atau perundingan.

6.14.2. Mereka yang mengulangi kesalahan sama untuk kali kedua akan diberi amaran bertulis atau permohonannya akan digantung untuk tempoh tiga bulan.

6.14.3. Mereka yang melakukan kesalahan besar akan ditarik balik kebenaran menjalankan SKHS.

6.15. Pegawai Kuarantin

6.15.1. Pegawai yang dilantik untuk menjalankan proses kuarantin ke atas sesuatu konsainan.

6.15.2. Pegawai Kuarantin akan diuruskan di bawah peraturan pentadbiran sedia ada.

6.15.3. Mereka yang melakukan kesilapan atau kecuaiannya kali pertama akan diberi runding cara atau perundingan.

6.15.4. Mereka yang mengulangi kesalahan sama untuk kali kedua akan ditarik balik pentauliahannya.

6.15.5. Mereka yang melakukan kesalahan besar akan dibawa untuk findakan lanjut oleh MVM.

7.0 SENARAI RUJUKAN

- 7.1. Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006)
- 7.2. Kaedah-kaedah Binatang, 1962 [L.N. 323/1962]
- 7.3. Undang-undang Kecil Stesyen Kuarantin Binatang Persekutuan (Pengurusan dan Penyenggaraan), 1984 [P.U.(A) 397/1984]
- 7.4. APTVM Pendaftaran Stesen Kuarantin Haiwan Sementara

8.0 SENARAI LAMPIRAN

- 8.1. Lampiran 1: Senarai Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan yang diwartakan mengikut subseksyen 80(1), Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).

8.2. Lampiran 2: Kemudahan-kemudahan Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan.

8.3. Lampiran 3: Tempoh Kuarantin Haiwan dan Senarai Negara Berjadual.

8.4. Lampiran 4: Senarai Pintu Masuk Negara mengikut kaedah 3, Kaedah-kaedah Binatang, 1962, [L.N. 323/1962].

8.5. Lampiran 5: Ujian-ujian dan Vaksin Haiwan di Stesen Kuarantin Haiwan.

8.6. Lampiran 6: Senarai Baka Anjing Terlarang / Terkawal di bawah Kawalan Pengimportan

8.7. Lampiran 7: Kadar Bayaran Kuarantin

LAMPIRAN 1

SENARAI STESEN KUARANTIN HAIWAN KERAJAAN

1. SKH KLIA, Selangor.
2. SKH Pelabuhan Klang, Selangor.
3. SKH Bayan Lepas, Pulau Pinang.
4. SKH Padang Besar, Perlis.
5. SKH Rantau Panjang, Kelantan.
6. SKH Kuantan, Pahang.
7. SKH WP Labuan.

LAMPIRAN 2

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN STESEN KUARANTIN HAIWAN KERAJAAN

FASILITI STESEN KUARANTIN HAIWAN

BIL	STESAN KUARANTIN HAIWAN	SPESISES HAIWAN
1.	SKH Padang Besar	Lembu, Kerbau, Kuda, Kambing, Bebiri, Anjing, Kucing, Burung
2.	SKH Rantau Panjang	Lembu, Kerbau, Kuda, Kambing
3.	SKH Bayan Lepas	Kuda, Anjing, Kucing, Burung
4.	SKH Pelabuhan Klang	Lembu, Kerbau, Kuda, Kambing
5.	SKH Kuala Lumpur International Airport	Kuda, Anjing, Kucing, Burung/Lembu Kambing Bebiri, Arnab, Hidupan Liar
6.	SKH Kuantan	Lembu, Kerbau, Kuda, Kambing
7.	SKH Labuan	Lembu, Kerbau, Kuda, Kambing, Anjing, Kucing, Burung

FASILITI STESEN KUARANTIN HAIWAN

BIL	STESAN KUARANTIN HAIWAN	SPESISES HAIWAN
1.	SKH Padang Besar, Perlis	Lembu/Kerbau : 1000 ekor Kambing/Bebiri : 2500 ekor
2.	SKH Rantau Panjang, Kelantan	Lembu/Kerbau : 900 ekor Kambing/Bebiri : 400 ekor
3.	SKH Kuantan, Pahang	Lembu/Kerbau : 1000 ekor Kambing/Bebiri : 1500 ekor
4.	SKH Pelabuhan Klang, Selangor	Lembu/Kerbau : 500 ekor Kambing/Bebiri : 1300 ekor
5.	SKH Kuala Lumpur International Airport (KLIA)	Lembu/Kerbau : 900 ekor Kambing/Bebiri : 2900 ekor

LAMPIRAN 3**TEMPOH KUARANTIN HAIWAN**

SPESES HAIWAN / BURUNG	TEMPOH KUARANTIN
Anjing dan Kucing (dari negara non-scheduled)	Minimum 7 hari
Kuda Negara Berjadual Negara tidak berjadual	14 hari 30 hari
Burung (semua spesies)	Minimum 7 hari

SENARAI NEGARA BERJADUAL

1. AUSTRALIA
2. BRUNEI
3. EIRE
4. JAPAN
5. NEW ZEALAND
6. NORTHERN IRELAND
7. SINGAPURA
8. SWEDEN
9. UNITED KINGDOM

LAMPIRAN 4**SENARAI PINTU MASUK NEGARA****1. MELALUI JALAN DARAT**

- 1.1 Stesen keretapi Padang Besar, Perlis
- 1.2 Stesen Keretapi Johor Bahru, Johor
- 1.3 Kompleks Kastam Rantau Panjang, Kelantan
- 1.4 Stesen Kuarantin Haiwan Rantau Panjang, Kelantan
- 1.5 Kompleks Kastam Bukit Kayu Hitam, Kedah
- 1.6 Kompleks Imigresen Bukit Bunga, Kelantan
- 1.7 Kompleks Kastam Padang Besar, Perlis
- 1.8 Kompleks Kastam, Pengkalan Hulu, Perak
- 1.9 Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor

2. MELALUI JALAN LAUT

- 3.1 Pelabuhan Butterworth/ Pulau Pinang, Pulau Pinang
- 3.2 Pelabuhan Kelang, Selangor
- 3.3 Pelabuhan Barat, Kelang, Selangor
- 3.4 Pelabuhan Pasir Gudang, Johor
- 3.5 Pelabuhan Kuantan, Pahang
- 3.6 Kompleks Kastam Pengkalan Kubur, Kelantan
- 3.7 Pelabuhan Lumut, Perak
- 3.8 Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor
- 3.9 Pelabuhan Labuan, Labuan

3. MELALUI UDARA

- 3.1 Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang
- 3.2 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang
- 3.3 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor
- 3.4 Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, Johor

LAMPIRAN 5

UJIAN-UJIAN DAN VAKSIN BAGI HAIWAN DI SKH

BIL	SPESIES HAIWAN	UJIAN-UJIAN MAKMAL BAGI PENYAKIT	VAKSIN
1.	LEMBU/KERBAU	FMD, <i>Brucellosis</i> , <i>Tuberculosis</i> , <i>Johne' Disease</i> , <i>Leptospirosis</i> , <i>Campylobacteriosis</i>	FMD
2.	KAMBING/ BEBIRI	<i>Brucellosis</i> , <i>CLA</i> , <i>Melioidosis</i>	<i>Pasteurellosis</i>
3.	ANJING/ KUCING	Tiada	<i>Rabies</i> sekiranya perlu
4.	KUDA	EIA, EHV, <i>Japanese Encephalitis</i> , <i>Strangles</i> , Nipah	Sekiranya perlu
5.	UNGGAS	<i>Avian Influenza</i> , <i>New Castle Disease</i>	Tiada

LAMPIRAN 6

SENARAI BAKA ANJING TERLARANG / TERKAWAL

DI BAWAH KAWALAN PENGIMPORAN

BIL	BAKA TERLARANG UNTUK DIIMPORT	BAKA TERKAWAL UNTUK DIIMPORT (Pengimportan adalah tertakluk kepada syarat)
1.	Pit Bull Terrier/Pit Bull (<i>Juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier and Staffordshire Bull Terrier</i>)	German Shepard/Alsatian (<i>Termasuk Belgian Shepard dan East European Shepard</i>)
2.	American Bulldog	Bull Mastiff
3.	Neapolitan Mastiff	Bull Terrier
4.	Japanese Tosa	Perro de Presa Canario (<i>Juga dikenali sebagai Canary Dog</i>)
5.	Akita	Rottweiler
6.	Dogo Argentino	Doberman
7.	Fila Brasileiro	

KADAR BAYARAN KUARANTIN
Kaedah-kaedah Binatang (Fj Bagi Kuarantin Binatang, Burung atau Barang di Stesen-stesen Kuarantin Binatang Persekutuan) 2008 Jabatan Perkhidmatan Veterinar

LAMPIRAN 7

SPESIES HAIWAN	TEMPAT KURUNGAN	SIJIL KUARANTIN	SUNTIKAN ANTI-RABIES	MIKROCIP
Burung a. 1-10 ekor b. 11 - 100 ekor c. Lebih 100 ekor	A. RM5.00/ekor/hari B. RM2.00/ekor/har C. RM1.00/ekor/harii	RM 2.00 / konsainan	-	-
Anjing	RM 10.00/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	RM 25.00 / ekor	RM100.00/ekor
Kucing	RM 5.00/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	-	-
Kerbau, Lembu dan Kuda	RM 2.00/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	-	-
Kambing dan Bebiri	RM 0.50/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	-	-
Rusa	RM 0.50/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	-	-
Ayam, Itik, Angsa dan Burung Unta a. 1-10 ekor b. 11 - 100 ekor c. Lebih 100 ekor	A. RM5.00/ekor/hari B. RM2.00/ekor/har C. RM1.00/ekor/harii	RM 2.00 / konsainan	-	-
Babi	RM 1.50/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	-	-
Binatang-Binatang lain	RM 10.00/ekor/hari	RM 2.00 / ekor	-	-

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM PROSES KUARANTIN HAIWAN

Penasihat : Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria
Disediakan oleh : Dr. Saipul Bahri bin Abdul Ree
 Dr. Falizah binti Abdullah
 Dr. Mohd. Zairollizan bin Mohd. Jahar
 Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin
 Dr. Mariani binti Hashim
 Dr. Azita Hanim binti Hashim Ghani

PENGHARGAAN


Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Proses Kuarantin Haiwan ini, khususnya;

1. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
2. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
3. Semua Ketua Seksyen IPPV

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
 Wisma Tani, Blok Podium 4G1, Presint 4,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62630 Putrajaya.

Tel : 03-8870 2000
 Faks : 03-8888 6472
 Email : pro@dvs.gov.my
 Laman web : http://www.dvs.gov.my



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PROSES KUARANTIN HAIWAN

No. Dokumentasi: APTVM 17(a): 1/2011

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

